

PUSAT BAHASA MELAYU SINGAPURA

CERAMAH ARIF BUDIMAN 16
JUMAAT, 21 FEBRUARI 2020

CATATAN SESI TANYA JAWAB



Ada pengkaji yang berpendapat bahawa sebutan Johor-Riau sebagai sebutan bahasa baku bahasa Melayu. Justeru, adakah pembakuan daripada segi sebutan yang berasaskan sistem fonemik patut terus dilaksanakan atau dihentikan? - Pengerusi Majlis, Encik Mohamed Noh Daipi, Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Sewaktu sebutan baku mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 80-an, salah faham telah timbul yang menyebabkan penolakan sebahagian masyarakat tentang bahasa baku kerana kekurangan maklumat atau pemahaman tentang konsep bahasa baku. Bila disebut baku, bagi mereka itu bererti sebutan. Padahal baku itu merupakan satu konsep *universal* atau sejagat bagi semua bangsa. Bahasa Arab ada varian '*Al-Fusha*' (*standard-modern Arabic*), bahasa Cina pula ada '*Putonghua*'. '*Putonghua*' dipegang sebagai asas bahasa Mandarin atau bahasa Cina. Sekarang telah ada lebih daripada 600 '*Kǒngzǐ*' atau '*Confucius Institute*' di seluruh dunia. Di Malaysia telah ada dua '*Kǒngzǐ*'. Sebutan '*Putonghua*' merangkumi '*grammar*' atau tatabahasanya, ejaan, dan kosa kata.

Jadi sekiranya kita berfikir secara lebih meluas, kita tidak akan terpukau atau terpakau tentang sebutan. Sebutan merupakan satu jujuk yang kecil berbanding tatabahasa. Tatabahasa jauh lebih penting. Walau bagaimanapun sebutan penting dalam konteks bahasa Melayu formal sebagaimana '*Al-Fusha*' untuk '*Standard-modern Arabic*' dan '*Standard English*' untuk bahasa Inggeris formal. Ini penting dalam konteks menzahirkan formaliti atau bentuk formalnya. Tetapi, dalam konteks perbualan atau percakapan dan komunikasi tidak rasmi, hatta, dalam penulisan kita tidak menulis menggunakan tatabahasa yang mengikatnya. Jadi dalam sebutan juga begitu. Konteksnya sangat terbatas dalam situasi formal seperti mesyuarat dan perhimpunan. Sebahagian media juga tidak semua menggunakan bahasa yang baku. Begitu juga dengan genre drama yang tidak mungkin dalam sebutan baku. Konteks sebutan baku sangat terbatas dalam suasana dan keperluan yang formal seperti dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah atau sekolah.

Soal pemilihan varian, sama ada Johor-Riau atau sebutan dari mana telah menyebabkan satu muzakarah 'ulama' atau ahli bahasa di Malaysia telah dijalankan pada awal 80-an. Para ahli bahasa melihat sekurang-kurangnya di Malaysia, menurut Profesor Asmah Haji Omar ada 'dwipusat' yang bermaksud ada bahasa dialek Johor-Riau yang dominan kerana waktu itu raja-raja Malaysia kebanyakannya dikuasai orang-orang Selatan. Professor Asmah juga telah mengingatkan ahli bahasa tentang dialek dominan bahagian Utara yang ditandai dengan vokal /a/ di hujung bentuk 'suku kata terbuka'.

Jadi sekurang-kurangnya ada dua varian yang boleh ditimbang oleh ahli-ahli bahasa yang dilantik untuk membuat rumusan. Ahli-ahli bahasa mengatakan bahawa akan ada kesukaran sekiranya memilih dua varian. Orang di Utara akan 'bias' atau berpandangan serong terhadap orang-orang Selatan dan orang-orang Pantai Timur sewaktu menilai ujian lisan. Maka telah diputuskan untuk mengambil satu varian, iaitu sebahagian varian dari dialek Johor-Riau dan sebahagian lagi dari dialek Utara. Varian sebutan Utara yang jelas menekankan bunyi vokal /a/ sedangkan yang lain masih dari Johor-Riau. Hal ini juga mungkin merupakan punca salah faham yang tidak betul-betul dihalusi oleh sebahagian orang. Banyak sebutan Johor-Riau yang masih dipertahankan dan dibakukan. Misalnya dalam perkataan yang berakhir dengan huruf /r/, satu bunyi getaran yang berbentuk senyap atau *silent* kerap dilakukan. Namun, perkataan yang berakhir dengan huruf /r/ dibakukan kerana dalam ejaan Jawi lama dalam Sejarah Melayu, perkataan 'keluar' tidak dieja dengan 'kaf, lam, wau, alif' tapi dieja dengan 'kaf, lam, wau, alif, ra' yang bermakna huruf /ر/ (ra) muncul pada hujung perkataan tetapi dalam bahasa Johor-Riau tidak muncul. Jadi huruf /r/ senyap hanya untuk orang-orang Johor. Bagi orang-orang Utara seperti di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang pula huruf /ع/ (ain).

Itu merupakan pertimbangan yang diambil supaya memudahkan penilaian dan ujian lisan, peperiksaan dan kemudahan bagi orang yang pergi ke satu titik dekat dengan sebutan baku. Ada juga surat pekeliling tentang kelonggaran-kelonggaran tertentu misalnya sudah ada kelonggaran bagi menyebut perkataan 'lebih' tidak perlu disebut dengan penekanan pada bunyi vokal /i/. Ada juga orang yang tidak menyedari tentang surat pekeliling akan mengatakan bahawa itu satu sebutan yang janggal.

Kini di Malaysia telah timbul satu pertuduhan bahawa terdapat usaha yang ingin mengindonesiakan bahasa Melayu. Usman Awang, Keris Mas, A. Samad Said dan Sasterawan Negara lain mendeklamasikan sajak-sajak mereka dalam bahasa dan sebutan baku. Namun, warganegara mereka tetap warganegara Malaysia. Sebagai anak Johor, saya masih tetap menggunakan bahasa Johor-Riau ketika pulang ke kampung dan tidak menggunakan bahasa atau sebutan baku ketika berada dalam situasi tidak formal seperti di rumah.



Bagaimanakah golongan guru dapat mengakses pemetaan MABBIM dalam aspek istilah yang mencecah tiga ratus bidang ilmu agar dapat digunakan dengan lebih meluas. - Cikgu Elisha Jaafar, Sekolah Rendah Eunus.

Sebenarnya keputusan telah dibuat bahawa MABBIM sudah ada laman web yang telah dipautkan di laman web setiap badan bahasa negara anggota MABBIM (Singapura hanya sebuah negara pemerhati). Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Malaysia ada pautan laman web MABBIM. Pusat Bahasa Indonesia (PBI) yang kini telah mengubah namanya menjadi Pusat Pengembangan Bahasa dan Perbukuan (PPBP) pun telah memuatkan

laman MABBIM di dalam lama webnya, begitu juga DBP, Brunei. Di laman web juga ada disertakan perkembangan semasa termasuk tiga ratus bidang ilmu dan sub-bidang ilmu terdapat dalam laman web MABBIM. Jumlah yang mencapai satu juta istilah merupakan perkembangan kultural masyarakat. Satu juta istilah bukan jumlah yang kecil tetapi masyarakat masih tidak mahu menggunakannya. Penggunaan istilah-istilah ini diwajibkan kerana melalui PPK (Pusat Pembangunan Kurikulum), Kementerian Pendidikan Malaysia, istilah-istilah ini telah disahkan dan diseragamkan. Istilah-istilah ini juga telah diseragamkan oleh Lembaga Peperiksaan, Malaysia untuk peperiksaan SPM ke bawah dan bagi STPM dan HSC oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

Sekiranya istilah-istilah digunakan oleh setiap anggota MABBIM, maka tidak akan timbul isu istilah tidak digunakan. Isu istilah yang belum ada akan dikomisikan kepada golongan profesional kerana mereka sendiri yang tahu keperluan mereka. Sebagai contoh komisi Ketenteraan, Lembaga Perakayuan Negara dan Kejururawatan. Sekiranya istilah-istilah yang diberikan oleh komisi-komisi ini didapati menepati dan sejajar dengan sistem morfologi, fonologi dan sintaksis, maka istilah-istilah ini akan disahkan dan diseragamkan. Jadi kita tidak perlu mengatakan bahawa istilah tidak cukup kerana tidak ada bahasa di dunia yang cukup istilahnya. Istilah dalam bahasa Melayu boleh dibina tetapi perlu diserahkan kepada badan-badan yang berwibawa untuk meneliti istilah-istilah dan mengesah dan menyeragamkannya. Sekarang menjadi satu momok bahawa bahasa Melayu tidak boleh menjadi bahasa Sains dan Matematik. Bahasa Melayu boleh dinaiktarafkan di peringkat dunia. Saya diizinkan untuk membentangkan kertas-kertas saya dalam bahasa Melayu di Universiti Leiden. Namun demikian, slaid saya dalam bahasa Inggeris. Maka itu, sekiranya mereka tidak memahami bahasa Melayu, mereka boleh merujuk kepada slaid saya.



Apakah yang perlu dilakukan untuk memastikan bahasa Melayu dapat kekal bersaing dalam ruang media baharu? (Peserta tidak memberikan nama)

Ketika saya masih berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), DBP telah mengadakan suatu Memoranda Persefahaman (MOU) dengan Microsoft Corporation. *Microsoft* berkeupayaan membuat terjemahan semua laman web dalam apa sahaja bahasa. Walau bagaimanapun, ada bahaya tentang penterjemahan seperti aplikasi *Google Translate*. Satu pengalaman tentang kebahayaan penterjemahan yang dilakukan ialah semasa suatu konferens di Kuala Lumpur di mana kesilapan penterjemahan terjadi semasa menterjemah Kata Nama Khas 'Za'ba' yang diterjemahkan kepada perkataan 'East Fair' dan 'Distinguished Professor' diterjemahkan menjadi "Non-Ability Professor". Perkara yang sama juga berlaku sewaktu rombongan Presiden China Hu Jintao semasa lawatan ke Kuala Lumpur. Terjemahan yang digunakan salah dan amat memalukan rombongan China itu.

Untuk menaikkan taraf bahasa Melayu di peringkat teknologi, perlu ada usaha untuk memperbanyak portal dan laman web dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, negara Turki dan China kaya dengan tapak-tapak portal dan laman web yang khusus untuk masyarakat mereka. Mereka mempunyai keyakinan dalam sistem mereka sendiri. Bagi anak-anak muda di bahagian sini yang hebat dalam bidang teknologi ICT, adalah menjadi satu tanggungjawab bagi mereka untuk mengembangkan ilmu, budaya serta apa sahaja maklumat dan 'input' dalam bahasa Melayu di tapak-tapak portal termasuk di dalam media sosial.

4

Adakah akan berlaku gelombang peradaban Melayu kelima dalam masa beberapa dekad ini? Apakah bentuk dan konsepnya mengikut tanggapan Profesor? - Cikgu Jumilah binte Ahmad, Sekolah Rendah Zhenghua

Semasa saya masih mengajar di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), ramai profesor berbangsa Arab dari negara-negara Arab yang memberitahu saya bahawa mereka yakin bahawa suatu masa peradaban Melayu akan mengangkat Islam melihat kepada kewarasan bangsa Melayu yang jauh lebih tinggi waras daripada bangsa orang Islam Timur Tengah. Konsep Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diamalkan oleh bangsa Melayu lebih cantik dan lembut serta sangat murni berbanding bangsa mereka yang taksab. Itu dari segi peradaban, bangsa Melayu sebagai tunggak yang akan mengangkat Islam tetapi daripada konteks ilmu, kita tidak dapat mengatakan bahawa bahasa Melayu masih belum dapat menjadi bahasa antarabangsa kerana ilmu-ilmu masih belum disalurkan dalam bahasa Melayu. Bahkan kita dengan sikap *captive mind*, bersedia dijajah dengan *SCOPUS* dan *ISI* yang kebanyakannya dalam bahasa Inggeris. Tetapi bahasa Cina masih diperakui oleh *SCOPUS* dan *ISI*. Ini menunjukkan kekuatan jati diri.

Universiti Malaya (UM) telah mendapat kedudukan universiti terbaik di Malaysia, 100 yang terbaik di peringkat antarabangsa. Ukuran penempatan itu merupakan terbitan-terbitan dalam bahasa Inggeris. Mengapa tidak diadakan satu badan untuk menilai sendiri bagi jurnal-jurnal dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia di Alam Melayu. Kita yang akan menilai sendiri. Jumlah wang yang hendak dibelanjakan bagi penilaian sangat besar. Kita perlu mengindeks penilaian sendiri yang dapat dilaksanakan dengan adanya kerjasama badan-badan, perusahaan-perusahaan, universiti-universiti, golongan profesional dan akademik.

Dari segi ekonomi, kita juga masih lambat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa kerana tidak bersedia untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ekonomi walhal pada tahun 2009 semasa di *International Conference* di Universiti Frankfurt yang bertemakan *Perdagangan Antarabangsa dalam Manuskrip Melayu Lama* di mana manuskrip-manuskrip sedemikian dikupas. Jadi persoalannya, mengapakah sekarang kita tidak berani mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ekonomi?

5

Saya kira masa depan bahasa Melayu bergantung pada bangsa dan peradaban penggunanya. Jika bangsa dan pengguna bahasa Melayu merupakan bangsa yang dapat mencipta, kreatif dan kukuh ekonominya, barulah bahasa itu akan dipandang tinggi seperti yang kita lihat pada bahasa Jepun, bahasa Inggeris, dan bahasa Cina. Bagaimanakah pandangan Professor tentang hal ini? (Peserta tidak memberikan nama)

Saya melihat dari dua sisi. Ada orang yang berfalsafah “maju bangsa, maju negara”, juga “maju negara, maju bangsa”. Tetapi saya tidak melihatnya sebagai satu-satunya formula seperti dalam peribahasa kita “maju bahasa, majulah bangsa” kerana perkara yang berlaku semasa pemulihan atau ‘*restoration*’ era Meiji di Jepun telah mengangkat bahasa Jepun sebagai alat bagi memandaikan rakyat mereka dalam seluruh ranah peradaban dan mereka telah berjaya; begitu juga Korea dan China. Juga negara-negara lain seperti Perancis, Belanda dan beberapa negara lagi seperti Thailand dan Indonesia. Indonesia telah mendapat tempat kelima dalam ekonomi dunia. Indonesia telah berjaya kerana mengangkat bahasa nasionalnya sebagai wahana, ranah semua usaha kemajuan negara mereka. Malaysia juga tidak berkendala dari segi masa untuk menjadi negara kuasa ekonomi sekiranya mengangkat bahasa nasionalnya.

Bahasa dan ekonomi berkembang bersama secara resiprokal tetapi bahasa tidak boleh menunggu untuk maju dari segi ekonomi sebelum bahasa itu maju. Negara-negara Barat hanya maju sekitar abad ke-14 hingga ke-19 untuk menjadikan bahasa Inggeris menjadi bahasa ilmu. Sebelum itu bahasa Inggeris hanya suatu bahasa kaum petani. Eropah mengambil segala pengetahuan semasa zaman Abbasiyah. Mereka mengupah pakar yang faham bahasa Arab untuk mendapatkan ilmu. Mereka percaya bahawa sekiranya segala ilmu yang diajarkan dalam bahasa mereka, tentu boleh faham kerana itu merupakan sesuatu yang tabii seperti menurut surah Al-Rum dalam ayat 22, Allah berfirman:

Wa min ayatihi khalqus-samawati wal-ardi wakhtillafu alsinatikum wa alwanikum, inna fi zalika la ‘ayatil lil-‘alimin

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah menciptakan langit dan bumi dan berlainan-lainan bahasamu dan warna kulit. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang mengetahui.”

Quran Surah Ar-Rum Ayat ke-22

Orang-orang Barat bukan sahaja menterjemahkan ilmu malah nama para sarjana juga turut diterjemahkan. Sebagai contoh nama Ibnu Sina juga diterjemahkan kepada Avicenna dan Ibnu Rushd menjadi Averroes.



Adakah diaspora Melayu yang terdapat di luar lingkungan Nusantara berperanan dalam mencarta perkembangan bahasa Melayu pada masa hadapan? (Peserta tidak memberikan nama)

Ada potensi diaspora Melayu mencarta perkembangan bahasa Melayu dengan syarat Melayu di negara induk seperti Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura bekerja keras dalam menghimpun dan menghimbau perkembangan bahasa. Sekiranya dibiarkan maka mereka akan pupus. Di Pulau Cocos dan Pulau Krismas, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah membuat penggambaran tentang Komuniti Melayu dan disiarkan secara bersiri sebanyak dua belas siri yang ditayangkan di TV1 Malaysia.

Bahasa Melayu di Madagascar dan Cape Town telah pupus. Orang yang pandai dan fasih berbahasa Melayu mungkin telah meninggal dunia. Komuniti Melayu di Madagascar dan Cape Town, walaupun secara etnis merupakan bangsa Melayu, mereka sudah tidak memahami dan pandai menggunakan bahasa Melayu.

Saya juga pernah membincangkan tentang waris-warisan Melayu yang telah lama menetap di luar alam Melayu seperti di Jerman, Belanda dan Amerika Syarikat yang merupakan sumber-sumber yang dapat memperkuat perkembangan bahasa Melayu. Saya juga membandingkan perkara ini dengan konsep dan semangat *Overseas Chinese*. Jadi adalah amat penting bagi diaspora Melayu memiliki semangat seperti ini. Begitu juga pentingnya bangsa Melayu di negara-negara induk Melayu memainkan peranan ini dengan mengadakan kursus-kursus bahasa Melayu dan mendedahkan mereka pada warisan-warisan budaya Melayu. Usaha ini memerlukan dana, oleh itu negara-negara induk yang berbahasa Melayu harus ada dana untuk melestarikan usaha ini dan harus dilakukan secara terancang. Usaha ini juga harus dilakukan dan bergerak secara '*centrifugal*' tidak hanya berpusat tetapi harus merangkaikan kerjasama dengan pelbagai pihak. Rangkaian itu bukan sahaja penting tetapi wajib seperti yang dilakukan oleh bangsa Cina, Vietnam bahkan bangsa Arab. Ada sejumlah 40,000 bangsa Melayu yang menetap di Madinah dan Mekah. GAPENA pernah mengadakan Pertemuan Dunia Melayu di sana dan ternyata masyarakat diaspora Melayu di sana amat memerlukan penglibatan dari bangsa Melayu di negara-negara induk Melayu.

Dicatat oleh: Arshid bdullah, Guru Pakar Bahasa Melayu, MLCS
Muhd Jailani Abu Talib, Jurulatih Bahasa Melayu, MLCS

Disemak oleh: Mohamed Noh Daipi, CDMLCS

Tarikh: 27 Feb 2020